



PROGRAM VAKSINASI COVID-19 SINGAPURA

APA YANG ANDA PERLU TAHU




Mengapa vaksinasi penting?

Vaksinasi boleh membantu:

—
melindungi orang-orang yang disayangi dan masyarakat daripada COVID-19

—
membolehkan kita untuk menyambung semula lebih banyak aktiviti, dan Singapura boleh dibuka semula dengan selamat dan lebih cepat

—
mencegah sistem penjagaan kesihatan kita dari dibebani



Apa itu COVID-19?

COVID-19 adalah sejenis penyakit berjangkit yang boleh merebak melalui titisan air liur atau lendir dari batuk, bersin – di dalam udara atau di atas permukaan.

Gejala-gejala termasuk demam, batuk, sesak nafas, sakit tekak, selesema atau hilang deria bau atau rasa.


Warga emas atau individu yang mempunyai masalah kesihatan boleh mengalami sakit yang teruk apabila dijangkiti COVID-19.




“ Apabila anda mendapatkan vaksin, anda bukan sahaja melindungi diri anda. Anda juga memainkan peranan anda untuk melindungi orang lain, terutama sekali orang-orang yang anda sayangi. Lebih ramai daripada kita yang mendapatkan vaksin, lebih sukar untuk virus itu merebak, dan lebih selamat bagi kita sebagai sebuah masyarakat. ”

- Perdana Menteri Lee Hsien Loong

Vaksinasi bantu mencegah COVID-19. Apabila lebih ramai orang mendapatkan vaksin, penyebaran virus dapat diperlahankan.






Adakah vaksin selamat?

Vaksin COVID-19 yang telah diluluskan bagi penggunaan wabak di Singapura memenuhi piawai keselamatan dan keberkesanan, dengan manfaatnya melebihi risiko yang diketahui.

Kelulusan diberi hanya setelah kedua-dua Penguasa Sains Kesihatan (HSA) dan Jawatankuasa Pakar mengenai Vaksinasi COVID-19 selesai mengkaji dengan teliti data-data klinikal bagi vaksin tersebut.



Siapa yang boleh mendapatkan vaksin?

Vaksinasi adalah percuma untuk warganegara Singapura dan penduduk jangka panjang.

Seorang pekerja penjagaan kesihatan boleh menasihatkan anda sekiranya anda harus mendapatkan vaksin. Beritahu doktor atau jururawat anda tentang keadaan kesihatan anda sebelum mendapatkan vaksin terutama sekali jika anda –


- sedang hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan badan
 - mempunyai sistem daya ketahanan tubuh yang lemah (misalnya, kerana baru menjalani pemindahan organ, mengalami barah, atau HIV)
 - mempunyai sejarah alahan yang teruk
 - mempunyai kiraan platelet yang rendah, masalah pendarahan atau anti-pembekuan darah, atau sedang mengambil ubat penipisan darah
 - pernah mengalami jangkitan COVID-19
 - pernah menerima vaksin COVID-19
 - menerima satu lagi vaksin (untuk penyakit yang berbeza) dalam tempoh dua minggu yang lalu
- 

Bagaimana untuk mendapatkan vaksin?

Semua orang akan dimaklumkan untuk mendapatkan vaksin secara berperingkat-peringkat. Apabila giliran anda tiba, anda akan diberitahu untuk membuat janji temu. Anda juga akan diberikan panduan terperinci tentang cara-cara untuk membuat janji temu. Vaksinasi hanya akan dilakukan menerusi janji temu.

Oleh kerana vaksin tiba secara berkumpulan, pekerja penjagaan kesihatan dan kumpulan mudah terdedah (warga emas, mereka yang di dalam industri berisiko tinggi) akan diberikan keutamaan untuk mendapatkan vaksin.






Apakah terdapat sebarang risiko dalam pengambilan vaksin?

Anda mungkin mengalami beberapa kesan sampingan yang biasa selepas menerima vaksin COVID-19. Ia serupa dengan vaksin-vaksin lain. Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan dan anda akan beransur pulih dalam beberapa hari.

Beberapa kesan sampingan yang biasa selepas mendapatkan vaksin termasuk demam, sakit kepala dan sakit otot. Sekiranya anda terjejas, anda boleh mengambil 1-2 tablet parasetamol setiap 6 jam jika perlu. Jika gejala anda berlarutan, sila berjumpa doktor.



30:00



Selepas mendapatkan vaksin, anda harus berada di klinik selama 30 minit untuk pemantauan.

Dalam kes-kes yang sangat jarang berlaku, vaksin ini boleh menyebabkan alahan yang teruk. Gejala termasuk kesukaran bernafas, bengkak di muka, tekak, mata atau bibir, degupan jantung yang pantas, pening kepala dan berasa lemah, atau ruam yang teruk. Sekiranya anda mengalami alahan yang teruk, dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Hubungi 995 atau pergi ke A&E yang terdekat.



“Mari kita teruskan usaha kita dalam bahagian terakhir ini, untuk melangkah ke garisan penamat bersama-sama, dan menyelesaikan misi kita mengalahkan COVID-19.”

– Perdana Menteri Lee Hsien Loong

Untuk keterangan lanjut,
lunksuri vaccine.gov.sg atau
hubungi 1800-333-9999.



Diterbitkan oleh



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE

January 2021